KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **8 Mei 2025**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: KHAMIS
TARIKH: 8/5/2025
M/SURAT: 13

# Stor haram jadi 'bank diesel', pemandu lori ditahan

**IPOH:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak merampas 1,800 liter minyak diesel disyaki diseleweng dalam serbuan di Kampung Kepayang di sini kelmarin, kerana menyimpan barang kawalan tanpa permit.

Pengarahnya Datuk Kamalludin Ismail berkata, serbuan pada kira-kira jam 12 tengah hari itu dilakukan sepasukan pegawai dan anggota KPDN di sebuah stor haram menerusi Ops Tiris.

"Modus operandi sindiket adalah dengan membeli diesel daripada pembekal tidak berlesen sebelum menyimpannya di stor haram, lalu dijual kepada pihak industri sekitar Ipoh pada harga lebih murah berbanding harga pasaran.

"Seorang lelaki tempatan berusia 63 tahun yang mengaku sebagai pemandu lori didapati gagal mengemukakan sebarang surat kebenaran, lesen atau permit menyimpan barang kawalan daripada pengawal bekalan ketika diminta pasukan pemeriksaan," katanya dalam kenyataan semalam.

Menurut Kamalludin, pihaknya merampas 1,800 liter minyak diesel, dua tangki simpanan pukal (IBC), hos serta sebuah lori, dengan nilai keseluruhan rampasan dianggarkan berjumlah RM55,270.

Katanya, kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana disyaki memiliki atau menyimpan barang kawalan berjadual (minyak diesel) tanpa kebenaran bertulis daripada pengawal bekalan. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: KHAMIS
TARIKH: 8/5/2025
M/SURAT: 2



The boat loaded with petrol seized by GOF.

# RM177,000 petrol and beauty products seized

**Azmie Lim**

SEMPORNA: The General Operations Force (GOF) detained two individuals and seized petrol as well as beauty products at two separate locations, here, on Tuesday.

The items worth RM177,000 were seized in the "Ops Bersepadu Intra/Inter Agensi - Op Taring Dosej" conducted by the Intelligence Unit/Task Force of Kunak 22nd Battalion, with the Crime Investigation Division of Semporna Police Headquarters, Ministry of Domestic Trade and Cost of Living, Sabah Harbour and Port Department, as well as the Royal Malaysian Customs Department.

Sabah GOF Commander Datuk Abdul Rani Alias said the first seizure involving the petrol was made following a raid on an unnumbered premises in Kampung Mesra.

"An inspection on the premises found some large barrels containing petrol. The team also discovered a wooden boat behind the premises which was loaded with petrol and suspected to be smuggled out to a neighbouring country.

"The team detained a foreign suspect who admitted to involvement in petrol smuggling activities since 2023," he said, adding the seizures were worth RM52,000.

Abdul Rani said the case has been handed over to the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living for further investigation under the Control of Supplies Act 1961.

In the second raid, a woman was apprehended and a four-wheel-drive (4WD) seized.

Abdul Rani said an inspection of the 4WD found 11 boxes containing various beauty products without taxes and approval from the Malaysian Health Ministry (KKM).

The seizures, including the 4WD, were worth RM125,000 and together with the suspect were handed over to the Customs Department for further action.

"The suspect admitted that the items were smuggled in from a neighbouring country and she has been involved in this activity since 2024," he said.

Abdul Rani said the operation showed the effectiveness of cooperation between agencies in efforts to curb smuggling activities.

He added that the GOF will continue to intensify intelligence and operations to maintain national security and sovereignty.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: KHAMIS
TARIKH: 8/5/2025
M/SURAT: 8

# KPDN seize 1,800 litres of diesel

IPOH: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) seized 1,800 litres of diesel in Kampung Kepayang here on Tuesday which was found stored at a premises without a permit.

KPDN Perak director Datuk Kamalludin Ismail said enforcement officers from the state KPDN office conducted the raid at the premises at about noon under Ops Tiris.

"The syndicate's modus operandi is to buy diesel from unlicensed suppliers and then store the fuel in illegal stores before selling it to industries in Ipoh at a lower than market price," he said in a statement Wednesday.

Kamalludin said the raid resulted in the seizure of 1,800 litres of diesel, two intermediate bulk containers (IBC) and hoses, as well as a lorry, with a total value of the seizure estimated at RM55,270.

The case is investigated under the Control of Supply Act 1961. – Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: KHAMIS
TARIKH: 8/5/2025
M/SURAT: 7

# Diesel misappropriation: Five arrested at private jetty, 45,000 litres seized

**SIBU:** Marine Police personnel arrested five individuals and seized 45,000 litres of diesel during an operation at a private jetty along Batang Igan here on April 30.

Sarawak Marine Police commander ACP Ab Rahman Mat Hasan said a team was conducting a patrol under Op Taring Pensura when it came across a group of persons transferring fuel from an oil tanker truck onto a tugboat.

"The tanker driver and tugboat crew were detained after they failed to produce valid documents from the Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) to possess, store or transport diesel, which is a controlled item," he said in a statement.

He said apart from the fuel, the team also seized the tanker truck and tugboat, with the total value of seizures estimated at RM9.3 million.

The case has been handed over to KPDN for further investigation under the Control of Supplies Act 1961.

Ab Rahman also called on the public to continue channelling information on smuggling activities to the authorities.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



■行动中起获1800升疑是柴油的液体及逮捕一名自称为罗厘司机，也充公了2个储液桶及1辆罗厘，总值5万5270令吉。

# 貿消局取締倉庫 起1800公升柴油捕1人

（怡保7日讯）非法仓库无牌囤积柴油，霹州国内贸易和生活成本局执法队经过一周的侦察后展开取缔，起获1800公升疑是柴油的液体，并逮捕一名63岁的本地男子助查。

霹州国内贸易和生活成本局主任拿督卡马鲁丁今日发文告指出，执法组是于昨日（6日）在位于怡保甘榜央巴甲的非法仓库展开取缔行动，初步调查发现，非法集团是向无牌供应商取得柴油供应，并囤积在非法仓库，再以比市价低的价钱转售予怡保区内的工业业者。

他说，在行动中，除了起获1800公升疑是柴油的液体及逮捕一名自称为罗厘司机，但无法出示任何囤积统制品的准许信函、执照的本地男子助查之外，也充公了2个储液桶及1辆罗厘，总值5万5270令吉。

卡马鲁丁说，此案将援引1961年供应管制法令下调查，一旦定罪，个人可被罚不超过100万令吉、监禁不超过3年或两者兼施；违例的公司，罚款不超过200万令吉；如果第二次犯案，可被罚不超过500万令吉。

他也促请市民作为该局的耳目，一旦发现商家违例请联络该局手投诉官网（e-aduan.kpdn.gov.my）、呼叫中心（1-800-886-800）、电邮至（e-aduan@kpdn.gov.my）、或手机应用程式Ez ADU KPDN。

光明日報
Guang Ming DAILY

HARI: KHAMIS
TARIKH: 8/5/2025
M/SURAT: 6

# 首相要求衛長檢視723法令爭議

内阁今日针对医生集会抗议事件进行了讨论，首相已要求卫生部长作出解释。首相拿督斯里安华已指示卫生部长拿督斯里祖基菲里尽速检视因2011年价格管制与反暴利法令（723法令）的实施所引发的争议。

法米表示，首相在内阁会议中已指示卫长处理医生集会抗议一事；

“首相指示卫生部长，针对使用国内贸易及生活费部管制的反暴利法令，而不是使用1998年私立医疗保健设施及服务法令（586法令）处理相关事务一事，引起大马医药协会和一些医生质疑的问题，作出解释。”

“首相指示卫生部长立即澄清此事，并着手检讨586法令下有关私人诊所治疗咨询价格的第七附表。”祖基菲里已向内阁通报，相关文件已经准备就绪。

“因此，我们预计在一到两周内，文件将提呈内阁以做出决定。”

由15个医学团体组成，以私人普通医生为主的逾500名医生昨日在布城出席和平集会，呼吁政府撤回私人医疗保健设施与社区药房药物标价”规定。

## 努魯競選署理
# 不存在裙帶關係

法米也是公正党宣传主任，他强调，努鲁依莎若获提名竞选署理主席职，并不存在裙带关系的问题。

他说，努鲁依莎目前是副主席，公正党一向秉持民主原则进行党内选举。

“我们将交由党员的智慧去选择（署理主席），让他们根据期望与理想，选出认为最合适的领导人。

“（关于裙带关系的指控）不属实，因为努鲁依莎已是副主席，因此这问题根本不存在。”

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

光明日報
Guang Ming DAILY
HARI: KHAMIS
TARIKH: 8/5/2025
M/SURAT: 5

# 霹破非法囤柴油倉庫

## 充公逾5萬元物品

（怡保7日讯）霹雳州国内贸易及生活费局通过“2025年填补漏洞行动”，突击检查甘榜甲峇央一间疑是非法收藏统制柴油的非法仓库，充公了总值达5万5270令吉的物品。

根据该局调查显示，有关非法储存柴油仓库的集团，于案手法即是从无执照供应商处购买柴油后，将它储存在非法仓库内，然后再以低于市价的价格转售给怡保周边的工业用户。

霹雳州国内贸易及生活费局局长拿督卡玛鲁丁说，执法官员是经过1个星期，在怡保区内针对滥用统制品活动收集情报和监督后，才于昨日中午12时展开上述突击行动，并且在仓库进行检查时，发现1800公升疑似柴油的液体。

他今日发文告披露，由于自称是罗里司机的63岁本地男子，无法出示任何批准信、执照或统制品储藏执照，因此，1800公升疑似柴油的液体、两个集装桶及水管、一辆罗里便遭充公，而遭充公的物品总值达5万5270令吉。

他促请民众成为执法单位的耳目，一同打击滥用津贴统制品的行为，并通过以下渠道提供线索，包括WhatsApp手机应用程式（019-848 8000）、网站（e-aduan@kpdn.gov.my）、热线（1 800 886 800）、手机应用程式（Ez Adu KPDN）。（TSI）

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## AGENSI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: KHAMIS
TARIKH: 8/5/2025
M/SURAT: 8

# MyCC launches survey to strengthen digital economy landscape

**KUALA LUMPUR:** The Malaysia Competition Commission (MyCC) has launched a nationwide public survey as part of its ongoing market review on the Digital Economy Ecosystem, conducted under section 11 of the Competition Act 2010.

The July 2024 to December 2025 market review focuses on the competition dynamics and market structure across five critical sub-sectors that form Malaysia's digital marketplace backbone.

The five sub-sectors are mobile operating and payment systems; e-commerce retail marketplaces; digital advertising services; online travel agencies; and data privacy and protection (cross-sectoral analysis).

Chief executive officer Iskandar Ismail said in a statement yesterday that this market review is a crucial step toward exposing hidden mechanisms that have long remained undisclosed.

"Consumers and businesses are increasingly dependent on global digital platforms that disguise their dominance as efficiency and innovation.

"Yet beneath this convenience lies a web of market struggles, competitive barriers, and regulatory challenges that quietly dictate industry dynamics," he said.

MyCC is calling out the unchecked power of global digital giants, exposing the uncomfortable truth behind the platforms that have quietly dominated daily lives.

"As global digital platforms continue to expand their influence, it is crucial to ensure that such growth does not come at the expense of healthy competition, transparency and opportunities for local businesses," he said. — Bernama




Lee (left) and Malacca Securities Sdn Bhd managing director Lim Chia Wei (second right) during the signing of the underwriting agreement.

星洲日報
SIN CHEW DAILY

HARI: KHAMIS
TARIKH: 8/5/3035
M/SURAT: 7

# 競委會展開問卷調查

## 瞭解消費者使用數字平台模式

（吉隆坡7日讯）大马竞争委员会（MyCC）即日起至6月6日展开问卷调查，旨在了解消费者使用数字平台的行为模式，并评估市场中是否存在妨碍、限制或扭曲竞争的因素。

大马竞争委员会首席执行员依斯干达依斯迈今日发文告指出，随着全球数字平台持续扩张影响力，该委员会必须确保这种成长不会牺牲健康竞争、透明机制及本地企业的机会。

文告表示，消费者与企业日益依赖全球数字平台，这些平台常以效率与创新之名掩盖市场主导地位。

“在看似便利的背后，隐藏着一张由市场困境、竞争障碍与监管挑战交织而成的网络，悄然左右着整个产业生态。”

此外，大马竞争委员会已依据2010年竞争法令第11条文，对数字经济生态系统展开市场检讨。

这项市场检讨从2024年7月至2025年12月进行，聚焦在5个关键子领域，分别为手机操作系统与支付系统、电商零售平台、数字广告服务、线上旅游代理及数据隐私与保护（跨领域分析）。

这项市场检讨是为了揭示长期隐藏的机制。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: KHAMIS
TARIKH: 8/5/2025
M/SURAT: 3

# PM minta Menteri Kesihatan teliti isu babitkan Akta 723

## Mesyuarat Jemaah Menteri turut bincang isu dibangkitkan pengamal perubatan swasta

Oleh Farah Marshita Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my

**Putrajaya:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad meneliti isu yang dibangkitkan pengamal perubatan swasta (GP).

Ia susulan perhimpunan di Laman Perdana berhampiran Bangunan Perdana Putra, kelmarin bagi menunjukkan bantahan terhadap pelaksanaan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723) yang mewajibkan klinik swasta dan farmasi mempamerkan harga ubat-ubatan.

Jurucakap Kerajaan Perpaduan, Datuk Fahmi Fadzil, berkata isu itu dibincangkan menerusi mesyuarat Jemaah Menteri semalam.

"Apa dibangkitkan adalah membabitkan penggunaan Akta 723 yang berada di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

"Ada dalam kalangan doktor yang bertanya kenapa akta itu digunakan dan bukan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586)," katanya pada sidang media pasca-Mesyuarat Kabinet, di sini semalam.

### Tuntut semak semula akta

Kelmarin, kira-kira 200 doktor dan pengamal perubatan berhimpun di Laman Perdana berhampiran Bangunan Perdana Putra, jam 9.30 pagi.

Antara tuntutan kumpulan itu adalah untuk menyemak semula Akta 723, dengan meletakkan profesion perubatan sepenuhnya di bawah Akta 586 yang dilihat memadai untuk mengawal selia amalan perubatan dan perkhidmatan kesihatan swasta.

Mengulas lanjut, Fahmi berkata, Jadual Ketujuh dalam Akta 586 yang mengawal selia caj perundingan dan caj tatacara bagi GP di klinik perubatan swasta juga akan dikaji.

Beliau berkata, Dr Dzulkefly memaklumkan bahawa kertas Jemaah Menteri sedang disiapkan.

"Jadual ketujuh akta itu yang mengawal yuran rundingan di klinik swasta, akan dikaji semula.

"Perkara ini dijangka akan dibentangkan semula kepada Jemaah Menteri dalam tempoh satu hingga dua minggu untuk keputusan," katanya.

Pada 3 Mei lalu, media melaporkan Kementerian Kesihatan (KKM) memberi jaminan bahawa semakan kadar yuran perundingan pegawai perubatan am swasta, akan dimuktamadkan dalam tempoh sebulan.

Dr Dzulkefly dilaporkan berkata untuk itu, Memorandum Jemaah Menteri dan surat pekeliling sudah disediakan dan dijangka dibentangkan dalam tempoh yang sama.



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: KHAMIS
TARIKH: 8/5/2025
M/SURAT: 1




**PERKEMBANGAN TERKINI:** Fahmi ketika sidang media mingguan Kabinet di Kementerian Komunikasi, semalam. — Gambar Bernama

# PM Anwar arah Menteri Kesihatan teliti isu penggunaan Akta 723 terhadap GP: Fahmi

**PUTRAJAYA:** Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad untuk segera meneliti isu yang dibangkitkan oleh pengamal perubatan swasta (GP) berhubung pelaksanaan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723).

Menteri Komunikasi merangkap Jurucakap Kerajaan MADANI Datuk Fahmi Fadzil berkata, perkara itu dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet semalam dan Perdana Menteri telah mendapatkan penjelasan daripada Dzulkefly.

"Apa yang dibangkitkan melibatkan penggunaan Akta 723 yang berada di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

"Terdapat dalam kalangan doktor (GP) yang bertanya mengapa akta tersebut digunakan dan bukannya Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586). Jadi, perdana menteri telah meminta supaya perkara ini segera dijelaskan," katanya pada sidang media mingguan di sini, semalam.

Lihat Muka 2

# PM Anwar arah Menteri Kesihatan teliti isu penggunaan Akta 723 terhadap GP

Dari Muka 1

Kelmarin lebih 300 GP mengadakan perhimpunan aman kira-kira dua jam berhampiran Bangunan Perdana Putra di sini bagi membantah penggunaan Akta 723 terhadap profesion perubatan.

Mereka menuntut supaya akta itu disemak semula dan bidang perubatan dikawal sepenuhnya di bawah Akta 586 yang disifatkan lebih sesuai untuk menyelia amalan serta perkhidmatan kesihatan swasta.

Fahmi berkata, Jadual Ketujuh dalam Akta 586 yang menetapkan caj perundingan dan tatacara klinik swasta akan dikaji semula dan Dzulkefly memaklumkan kertas Jemaah Menteri berhubung perkara itu sudah disiapkan.

"Dalam satu atau dua minggu lagi, ia dijangka dibawa semula ke Kabinet untuk keputusan," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan Jadual Ketujuh itu belum pernah dipinda sejak digazetkan pada 2006. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

PEMIKIRAN BAHARU
Utusan Malaysia

HARI: KHAMIS
TARIKH: 8/5/2025
M/SURAT: 3

# PM mahu isu Akta 723 dibangkitkan GP diteliti

Oleh KAMARIAH KHALIDI
utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad untuk segera meneliti isu-isu yang dibangkitkan oleh pengamal perubatan swasta (GP) susulan pelaksanaan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723).

Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil berkata, isu tersebut merupakan antara perkara yang dibincangkan menerusi mesyuarat Jemaah Menteri hari ini, dengan Anwar telah mendapatkan penjelasan daripada Dzulkefly berhubung perkara berkenaan.

"Apa yang dibangkitkan adalah melibatkan penggunaan Akta 723 yang berada di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

"Ada dalam kalangan doktor (GP) yang bertanya kenapa akta tersebut digunakan dan bukan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586). Jadi, Perdana Menteri telah meminta supaya perkara ini segera dijelaskan," katanya menerusi sidang akhbar mingguan di sini semalam.



> "Ada dalam kalangan doktor (GP) yang bertanya kenapa akta tersebut digunakan dan bukan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586)."
>
> FAHMI FADZIL

Semalam, kira-kira 200 doktor dan pengamal perubatan berhimpun di Laman Perdana berhampiran Bangunan Perdana Putra bagi menunjukkan bantahan terhadap pelaksanaan Akta 723 yang mewajibkan klinik swasta dan farmasi mempamerkan harga ubat-ubatan.

Kumpulan tersebut mula berhimpun kira-kira pukul 9.30 pagi sebelum 10 daripada peserta diketuai wakil Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Datuk Dr R Thirunavukarasu memasuki Bangunan Perdana Putra untuk menyerahkan dokumen memorandum.

Antara tuntutan komuniti GP itu adalah untuk menyemak semula Akta 723, dengan meletakkan profesion perubatan sepenuhnya di bawah Akta 586 yang dilihat memadai untuk mengawal selia amalan perubatan dan perkhidmatan kesihatan swasta.

Mengulas lanjut, Fahmi yang juga jurucakap kerajaan berkata, Jadual Ketujuh dalam Akta 586 yang mengawal selia caj perundingan dan caj tatacara bagi GP di klinik perubatan swasta akan dikaji, dengan Dzulkefly memaklumkan bahawa kertas Jemaah Menteri sedang disiapkan.

"Menteri Kesihatan telah memaklumkan bahawa persiapan kertas Jemaah Menteri telah dibuat dan dalam edaran, jadi kita jangka dalam tempoh satu atau pun dua minggu, hal ini akan dibawa semula ke Jemaah Menteri untuk diputuskan," ujarnya.

Pada 3 Mei, media melaporkan Kementerian Kesihatan (KKM) memberi jaminan bahawa semakan kadar yuran perundingan pegawai perubatan am (GP) swasta, akan dimuktamadkan dalam tempoh sebulan.

Dzulkefly dilaporkan berkata untuk itu, Memorandum Jemaah Menteri dan surat pekeliling telah disediakan dan dijangka dibentangkan dalam tempoh yang sama.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI: KHAMIS
TARIKH: 8/5/2025
M/SURAT: 8

# KKM diminta teliti isu libatkan Akta 723

- PM mahu perkara dibangkit pengamal perubatan swasta dijelaskan segera
- Ini berikutan bantahan wajibkan klinik swasta pamer harga ubat

Oleh KAMARIAH KHALIDI

**PUTRAJAYA** – Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad untuk segera meneliti isu-isu yang dibangkitkan pengamal perubatan swasta (GP) susulan pelaksanaan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723).

Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil berkata, isu itu merupakan antara perkara dibincangkan oleh Jemaah Menteri dengan Perdana Menteri telah mendapatkan penjelasan daripada Dr. Dzulkefly berhubung perkara berkenaan.

"Apa yang dibangkitkan adalah melibatkan penggunaan Akta 723 yang berada di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

"Ada dalam kalangan doktor (GP) yang bertanya kenapa akta tersebut digunakan dan bukan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586). Jadi, Perdana Menteri telah meminta supaya perkara ini segera dijelaskan," katanya di sini semalam.

Semalam, kira-kira 200 doktor dan pengamal perubatan berhimpun di Laman Perdana berhampiran Bangunan Perdana Putra bagi menunjukkan bantahan terhadap pelaksanaan Akta 723 yang mewajibkan klinik swasta dan farmasi mempamerkan harga ubat-ubatan.

Mereka mula berhimpun kira-kira pukul 9.30 pagi sebelum 10 daripada peserta diketuai wakil Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Datuk Dr. R. Thirunavukarasu menyerahkan dokumen memorandum.

Antara tuntutan komuniti GP itu adalah untuk menyemak semula Akta 723, dengan meletakkan profesion perubatan sepenuhnya di bawah Akta 586 yang dilihat memadai untuk mengawal selia amalan perubatan dan perkhidmatan kesihatan swasta.




FAHMI pada sidang akhbar mingguan di Putrajaya semalam. – FAISOL MUSTAFA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# PM arah Menteri Kesihatan teliti isu penggunaan Akta 723 terhadap GP


'Kami bukan kedai runcit'

Laporan *Sinar Harian* pada Rabu.

**PUTRAJAYA -** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad untuk segera meneliti isu yang dibangkitkan oleh pengamal perubatan swasta (GP) berhubung pelaksanaan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723).

Menteri Komunikasi merangkap Jurucakap Kerajaan Madani, Datuk Fahmi Fadzil berkata, perkara itu dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet pada Rabu dan Perdana Menteri telah mendapatkan penjelasan daripada Dr Dzulkefly.

"Apa yang dibangkitkan melibatkan penggunaan Akta 723 yang berada di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

"Terdapat dalam kalangan doktor (GP) yang bertanya mengapa akta tersebut digunakan dan bukannya Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586). Jadi, Perdana Menteri telah meminta supaya perkara ini segera dijelaskan," katanya dalam sidang akhbar mingguan di sini pada Rabu.


FAHMI

Pada Selasa, lebih 300 GP mengadakan perhimpunan aman berhampiran Bangunan Perdana Putra di sini bagi membantah penggunaan Akta 723 terhadap profesion perubatan.

Mereka menuntut supaya akta itu disemak semula dan bidang perubatan dikawal sepenuhnya di bawah Akta 586 yang disifatkan lebih sesuai untuk menyelia amalan serta perkhidmatan kesihatan swasta.

Fahmi berkata, Jadual Ketujuh dalam Akta 586 yang menetapkan caj perundingan dan tatacara klinik swasta akan dikaji semula dan Dr Dzulkefly memaklumkan kertas Jemaah Menteri berhubung perkara itu sudah disiapkan.

"Dalam satu atau dua minggu lagi, ia dijangka dibawa semula ke Kabinet," jelasnya.

Sebelum ini, media melaporkan Jadual Ketujuh itu belum pernah dipinda sejak digazetkan pada 2006. - *Bernama*

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: KHAMIS
TARIKH: 8/5/2025
M/SURAT: 2

# PGA rampas petrol, produk kecantikan bernilai RM177,000

Azmie Lim

SEMPORNA: Pasukan Gerakan Am (PGA) menahan dua individu dan merampas petrol serta produk kecantikan di dua lokasi berasingan di sini, Selasa lalu.

Barang rampasan bernilai RM177,000 itu diperoleh menerusi Ops Bersepadu Intra/Inter Agensi - Op Taring Dosej yang dijalankan oleh Unit Risikan/Pasukan Petugas Batalion Ke-22 Kunak, bersama Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Semporna, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah serta Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Komander PGA Sabah, Datuk Abdul Rani Alias berkata, rampasan pertama melibatkan petrol dibuat hasil serbuan ke atas sebuah premis tidak bernombor di Kampung Mesra.

"Hasil pemeriksaan mendapati beberapa tong besar berisi petrol di dalam premis tersebut. Pasukan operasi turut menemui sebuah bot kayu di belakang premis yang turut sarat dengan petrol dan dipercayai akan diseludup ke negara jiran.

"Seorang suspek warga asing turut ditahan dan mengaku terlibat dalam kegiatan penyeludupan petrol sejak 2023," katanya, menambah nilai rampasan adalah sebanyak RM52,000.

Abdul Rani berkata kes tersebut diserahkan kepada KPDN untuk siasatan lanjut di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Dalam serbuan kedua, seorang wanita ditahan dan sebuah kenderaan pacuan empat roda (4WD) dirampas.


4WD dan produk kecantikan dirampas.

Menurut Abdul Rani, pemeriksaan terhadap kenderaan 4WD tersebut menemui 11 kotak mengandungi pelbagai produk kecantikan tanpa cukai dan kelulusan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Jumlah rampasan termasuk kenderaan dianggarkan bernilai RM125,000 dan diserahkan bersama suspek kepada pihak Jabatan Kastam untuk tindakan selanjutnya.

"Suspek mengaku barangan tersebut diseludup dari negara jiran dan dia terlibat dalam aktiviti ini sejak 2024," katanya.

Abdul Rani berkata operasi ini membuktikan keberkesanan kerjasama antara agensi-agensi dalam membanteras aktiviti penyeludupan.

Beliau menambah PGA akan terus mempertingkat risikan dan operasi bagi mengekalkan keselamatan serta kedaulatan negara.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

ASIA TIMES EST 1995

HARI: KHAMIS
TARIKH: 8/5/2025
M/SURAT: 9

# Anwar directs health minister to promptly resolve Act 723 issues

**PUTRAJAYA: Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim has instructed Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad to urgently review the concerns raised by private medical practitioners (GPs) regarding the implementation of the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011 (Act 723).**



Anwar has therefore requested an immediate explanation.

Communications Minister Datuk Fahmi Fadzil, who is also the MADANI Government spokesman, said the matter was discussed at yesterday's Cabinet meeting, during which Anwar sought clarification from Dzulkefly.

"The issue raised involves the use of Act 723, which falls under the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living.

"Some doctors (GPs) have questioned why that act was applied instead of the Private Healthcare Facilities and Services Act 1998 (Act 586). The prime minister has therefore requested an immediate explanation," he said at his weekly press conference here yesterday.

On Tuesday, more than 300 GPs staged a peaceful gathering lasting about two hours near the Perdana Putra building here to oppose the application of Act 723 to the medical profession.

Among the demands of the GP community is a review of Act 723, advocating for the medical profession to be fully regulated under Act 586, which they believe is sufficient to govern private medical practice and healthcare services.

Fahmi said the Seventh Schedule under Act 586, which regulates consultation and procedural charges for GPs at private clinics, will also be reviewed, and Dzulkefly has said that a Cabinet paper has been prepared.

"We expect the matter to be brought back to the Cabinet for a decision within a week or two," he added.

Previously, the media reported that the Seventh Schedule has never been amended since it was gazetted in 2006. – Bernama

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: KHAMIS
TARIKH: 8/5/2025
M/SURAT: 1

# Act 723: PM orders review of concerns

PUTRAJAYA: Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim has instructed Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad to urgently review the concerns raised by private medical practitioners (GPs) regarding the implementation of the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011 (Act 723).

Communications Minister Datuk Fahmi Fadzil, who is also the Madani Government spokesman, said the matter was discussed at Wednesday's Cabinet meeting, during which Anwar sought clarification from Dzulkefly.

"The issue raised involves the use of Act 723, which falls under the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living.

"Some doctors (GPs) have questioned why that Act was applied instead of the Private Healthcare Facilities and Services Act 1998 (Act 586). The Prime Minister has therefore requested an immediate explanation," he said on Wednesday.

On Tuesday, more than 300 GPs staged a peaceful gathering lasting about two hours near the Perdana Putra building here to oppose the application of Act 723 to the medical profession.

See Page 2, Col. 2

# Review of Act 723 among demands

From Page One

Among the demands of the GP community is a review of Act 723, advocating for the medical profession to be fully regulated under Act 586, which they believe is sufficient to govern private medical practice and healthcare services.

Fahmi said the Seventh Schedule under Act 586, which regulates consultation and procedural charges for GPs at private clinics, will also be reviewed, and Dzulkefly has said that a Cabinet paper has been prepared.

We expect the matter to be brought back to the Cabinet for a decision within a week or two, he added.

Previously, the media reported that the Seventh Schedule has never been amended since it was gazetted in 2006.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: KHAMIS
TARIKH: 8/5/2025
M/SURAT: 8

# Hak pengguna dapatkan maklumat

## PPIM, Fomca senada bantah tindakan doktor swasta isu pamer harga ubat

**Oleh NURHIDAYAH HAIROM dan AZLEENDA SAHALUDIN**
**SHAH ALAM**



NADZIM



NUR ASYIKIN

LAPORAN MUKA DEPAN

Tindakan sekumpulan doktor yang membantah peraturan mewajibkan klinik swasta dan farmasi mempamerkan harga ubat-ubatan ibarat menafikan hak pengguna untuk mendapatkan maklumat.

Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan berkata, tiada sebab untuk pihak terlibat tidak mahu mempamerkan harga kerana setiap jualan termaktub di bawah Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penandaan Harga Bagi Ubat) 2025, mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723).

Menurutnya, pengguna juga mempunyai hak untuk membuat pilihan berdasarkan maklumat yang diperoleh.

"Apa masalahnya tidak mahu pamer harga ubat? Sebab semua pelanggan nak tengok (harga). Kalau saya sendiri pun nak tahu harga, nak pastikan ada duit atau tidak untuk buat bayaran nanti.

"Jadi, kita pun boleh tengok klinik lain kalau lebih murah. Hak pengguna untuk mendapatkan maklumat. Kalau pengguna nak pilih, dia boleh pilih. Dia (doktor) nak terasa itu soal lain," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Beliau mengulas gesaan Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) agar kerajaan tidak menyamakan perkhidmatan profesional dengan penjualan barangan di kedai runcit.

Presiden baharu MMA, Datuk Dr R Thirunavukarasu mahu kerajaan mempertimbangkan untuk menggunakan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Akta 586) kepada profesion perubatan bukan Akta 723.

Sementara itu, Ketua Pegawai Operasi Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), Nur Asyikin Aminuddin juga senada menegaskan, isu perdagangan merupakan di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Jelas beliau, penguatkuasaan peraturan pemaparan harga ubat meliputi perlindungan pengguna dan anti-pencatutan, tidak melibatkan tadbir urus klinikal.

"KPDN merupakan kementerian bertanggungjawab untuk mengawal selia perkara ini.

"Walaupun Kementerian Kesihatan pakar dalam bidang klinikal dan kesihatan awam, tetapi ia tidak disusun secara berstruktur untuk bertindak sebagai pengawal selia dalam isu harga atau perdagangan," ujarnya.

Tegas beliau, salah satu prinsip perlindungan pengguna yang paling penting di Malaysia ialah tiada profesion yang boleh dikecualikan daripada faktor ketelusan dan harga yang adil.

Katanya, meskipun memahami kebimbangan dibangkitkan badan profesional perubatan khususnya berkaitan bebanan operasi dan kos yang dikawal selia, ia mesti ditimbang tara dengan hak asasi seorang pengguna iaitu hak untuk mendapatkan maklumat harga dengan jelas sebelum membuat keputusan kewangan.

"Kadar inflasi perubatan di Malaysia telah melebihi kadar global. Salah satu punca kenaikan inflasi perubatan termasuklah harga ubat yang tidak telus.

"Perkara lain yang jadi punca kenaikan inflasi perubatan akan turut diberi perhatian tetapi kita mulakan dengan perkara paling asas iaitu pemaparan harga ubat," tambah beliau.



Pelaksanaan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723) tidak bertujuan menekan atau menjejaskan operasi pengamal perubatan swasta.

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI: KHAMIS
TARIKH: 8/5/2025
M/SURAT: 12

# Harga 'cekik darah' boleh mencemarkan imej Langkawi

**LANGKAWI** – Persatuan Pengguna Kedah (Cake) mengingatkan para peniaga di Langkawi supaya tidak menaikkan harga barangan dan perkhidmatan sewenang-wenangnya menjelang Pameran Antarabangsa Maritim dan Aeroangkasa Langkawi 2025 (LIMA'25).

Pengerusinya, Mohamad Yusrizal Yusoff berkata, kenaikan harga makanan serta perkhidmatan seperti kenderaan sewa, hotel dan produk pelancongan berdasarkan permintaan tidak sepatutnya terlalu tinggi.

"Kenaikan yang terlalu tinggi akan memberi kesan negatif kepada pelancongan di Langkawi kerana pelancong yang datang tidak akan kembali ke pulau itu lagi.

"Sebaliknya jika harga yang ditawarkan adalah berpatutan, pelancong sama ada dari dalam dan luar negara pastinya akan mempertimbangkan Langkawi sebagai destinasi untuk lawatan kali kedua dan seterusnya," katanya di sini semalam.

Katanya, sebelum ini pernah tular isu makanan mahal di Langkawi dan sehingga kini orang ramai masih menyebut insiden tersebut dan memberikan imej negatif kepada pulau peranginan itu.

Beliau turut mengingatkan pelancong yang mahu ke Langkawi agar membuat perancangan awal bagi mengelakkan ditipu pihak yang cuba mengambil kesempatan dengan penganjuran acara besar itu.

"Pelancong perlu selidik kesahihan sebelum membayar sebarang pakej pelancongan yang biasanya ditawarkan ejen pelancongan di media sosial," katanya.

Ujarnya, terdapat individu yang mengetahui situasi ketika acara antarabangsa itu berlangsung dan akan mengambil kesempatan kepada pelancong yang tidak cakna dan membuat perancangan di saat akhir.

"Sebelum ini saya sendiri pernah melihat sekumpulan pelancong yang terkandas di Terminal Feri Kuala Perlis kerana ditipu individu yang menjanjikan tiket feri, penginapan dan aktiviti di Langkawi.

"Biar kita jadi pengguna cerewet supaya lebih berhati-hati dalam berbelanja dan tidak menjadi mangsa penipuan. Semaklah setiap tawaran diberikan bagi mengetahui kesahihannya," ujarnya.

# 'Medicine price display promotes transparency'

» Initiative vital for nation's healthcare system, particularly to address rising costs and ensure access to quality medicines at reasonable prices, says academic

**KUALA LUMPUR:** The implementation of the medicine price display rule for private healthcare facilities and pharmacies not only protects consumer rights but also allows insurance companies to compare medicine prices.

International Medical University Health Economics, Policy and Management professor Datuk Dr Syed Mohamed Aljunid Syed Junid said this would allow insurance providers to make fairer comparisons and engage in more transparent negotiations with panel health facilities while fostering more affordable and competitive pricing in the market.

"This move is one of the key building blocks in transforming the country's healthcare system, particularly in addressing rising health inflation and ensuring access to quality medicines at reasonable prices.

"The transparency of the price display makes regulation easier as there are clinics that may mark up prices unreasonably.

"This allows insurance companies to investigate, analyse and take appropriate action when processing patient claims for treatment at private hospitals or clinics," he said when appearing as a guest on the *Temu Bual Radio* programme aired on Bernama Radio on Tuesday.

Syed Mohamed Aljunid said the medicine price display initiative was introduced to improve transparency in medicine pricing, enabling consumers to make informed and smarter decisions when purchasing medicines, Bernama reported.

"Consumers can now view medicine prices before making a purchase, helping to prevent hidden costs or excessive pricing."

In response to concerns that the initiative may affect private medical practitioners or GPs, Syed Mohamed Aljunid said it is not intended to disrupt GP services or their operating models.

"What the government is doing is ensuring that medicine prices are displayed, not controlling them. Private facility doctors can set the prices they deem appropriate.

"The government does not set prices."

Utusan Borneo online

HARI: KHAMIS

TARIKH: 8/5/2025

M/SURAT: 1

# SELUDUP PETROL, KOSMETIK TUMPAS

## ● Hasil operasi bersepadu PGA Briged Sabah di dua lokasi berasingan di Semporna

Oleh Vivi Olviana Najurus

**SEMPORNA: Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Sabah berjaya menumpaskan aktiviti penyeludupan minyak petrol dan pelbagai produk kecantikan bernilai keseluruhan RM177,000 dalam operasi bersepadu di dua lokasi berasingan di sini**

Komander PGA Sabah, Datuk Abdul Rani Alias berkata, Operasi Bersepadu Intra/Inter Agensi - Op Taring Dosej melibatkan kerjasama strategik antara beberapa agensi penguatkuasaan.

Katanya ia termasuklah Cawangan Risikan/Task Force Batalion 22 PGA Kunak, Cawangan Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Semporna, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah serta Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

"Serbuan pertama dijalankan di sebuah premis tidak bernombor di Kampung Mesra membabitkan rampasan RM52,000.

"Hasil pemeriksaan di lokasi itu menemukan sejumlah besar tong berisi bahan api disyaki petrol.

"Pemeriksaan lanjut di belakang premis itu turut menemukan sebuah bot kayu yang penuh dengan muatan petrol yang dipercayai untuk diseludup ke negara jiran," katanya ketika dihubungi.

Katanya, seorang lelaki warga asing turut ditahan dalam serbuan itu kerana disyaki terbabit dalam aktiviti penyeludupan dan siasatan mendapati suspek mengaku terlibat dalam kegiatan penyeludupan petrol itu sejak 2023.

Menurutnya, kes diserahkan kepada KPDN untuk tindakan lanjut dan siasatan dijalankan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Serbuan kedua membabitkan rampasan kosmetik tanpa cukai bernilai RM125,000 dalam serbuan berasingan dan penahanan seorang wanita bersama sebuah kenderaan pacuan empat roda yang disyaki digunakan untuk aktiviti penyeludupan produk kosmetik.

"Hasil pemeriksaan terhadap kenderaan itu menemukan sebanyak 11 kotak berisi pelbagai produk kecantikan yang tidak mempunyai cukai dan tidak mendapat kelulusan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)," katanya sambil menambah barangan rampasan diserahkan kepada pihak JKDM untuk tindakan lanjut.

Katanya, siasatan awal mendapati, suspek mengaku mendapatkan barangan kosmetik dari negara jiran dan terbabit dalam aktiviti pembekalan produk kosmetik sejak tahun 2024.

"Kejayaan operasi ini menunjukkan keberkesanan kerjasama antara agensi dalam usaha membanteras aktiviti penyeludupan rentas sempadan.

"PGA akan terus mempergiatkan risikan dan operasi seumpamanya demi menjaga keselamatan dan kedaulatan negara.

"Operasi bersepadu seperti ini dijangka akan diteruskan secara berkala bagi memastikan aktiviti penyeludupan dapat dibanteras dengan lebih berkesan," katanya.



**RAMPAS:** Petrol yang dirampas dalam serbuan ini.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 8 MEI 2025 | | | |
|---|---|---|---|
| **TARIKH** | **TAJUK** | **PAUTAN** | **MEDIA** |
| 8-May | Stor haram jadi ‘bank diesel’ diserbu | https://themalaysiapress.com/stor-haram-jadi-bank-diesel-diserbu/ | THE MALAYSIA PRESS |
| 8-May | Stor haram jadi bank diesel, pemandu lori seleweng diesel | https://suarakini.com.my/stor-haram-jadi-bank-diesel-pemandu-lori-seleweng-diesel/ | SUARA KINI |
| 8-May | Stor haram simpan 1,800 liter diesel | https://www.kosmo.com.my/2025/05/07/stor-haram-simpan- | KOSMO |
| 8-May | KPDN serbu stor haram, rampas 1,800 liter diesel subsidi | https://www.sinarharian.com.my/article/727116/berita/semasa/kpdn-serbu-stor-haram-rampas-1800-liter- | SINAR HARIAN |
| 8-May | Stor haram simpan 1,800 liter diesel | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2420461 | BERNAMA |
| 8-May | KPDN raids illegal store, 1,800 litres of diesel seized | https://thesun.my/malaysia-news/kpdn-raids-illegal-store-1800-litres-of-diesel-seized-GB14046761 | THE SUN |
| 8-May | Tujuh lelaki didakwa miliki LPG secara haram | https://www.sinarharian.com.my/article/727134/berita/semasa/tujuh-lelaki-didakwa-miliki-lpg-secara- | SINAR HARIAN |
| 8-May | Akta 723 bukan bertujuan menekan pengamal perubatan swasta - KKM | https://www.malaysiakini.com/news/742459 | MALAYSIA KINI |
| 8-May | Larangan guna LPG bersubsidi: Kami berisiko gulung tikar | https://www.kosmo.com.my/2025/05/07/larangan-guna-lpg-bersubsidi-kami-berisiko-untuk-gulung- | KOSMO |
| 8-May | Pengusaha dobi rayu kerajaan tarik balik larangan guna LPG bersubsidi | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/05/1216052/pengusaha-dobi-rayu-kerajaan-tarik-balik-larangan-guna-lpg- | HARIAN METRO |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 8-May | Pengusaha dobi desak kerajaan kaji semula penarikan LPG bersubsidi | https://malaysiagazette.com/2025/05/07/pengusaha-dobi-desak-kerajaan-kaji-semula-penarikan-lpg-bersubsidi/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 8-May | Pengusaha dobi rayu kerajaan tarik balik larangan guna LPG bersubsidi | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/05/1216052/pengusaha-dobi-rayu-kerajaan-tarik-balik-larangan-guna-lpg-bersubsidi | HARIAN METRO |
| 8-May | Anwar minta KKM segera teliti isu libatkan Akta 723 | https://www.kosmo.com.my/2025/05/07/anwar-minta-kkm-segera-teliti-isu-libatkan-akta-723/ | KOSMO |
| 8-May | Pamer harga ubat: PM minta KKM teliti tuntutan pengamal perubatan swasta | https://www.buletintv3.my/nasional/pamer-harga-ubat-pm-minta-kkm-teliti-tuntutan-pengamal-perubatan-swasta/ | TV3 |
| 8-May | PM minta Menteri Kesihatan segera teliti isu libatkan Akta 723 | https://www.utusan.com.my/nasional/2025/05/pm-minta-menteri-kesihatan-segera-teliti-isu-libatkan-akta-723/ | UTUSAN |
| 8-May | PM Anwar arah Menteri Kesihatan teliti isu penggunaan Akta 723 terhadap GP | https://utusansarawak.com.my/pm-anwar-arah-menteri-kesihatan-teliti-isu-penggunaan-akta-723-terhadap-gp/ | UTUSAN SARAWAK |
| 8-May | PM Anwar arah Menteri Kesihatan teliti isu penggunaan Akta 723 terhadap GP - Fahmi | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/05/1216078/pm-anwar-arah-menteri-kesihatan-teliti-isu-penggunaan-akta-723-terhadap-gp | HARIAN METRO |
| 8-May | PM arah menteri teliti isu penggunaan Akta 723 terhadap doktor swasta | https://www.malaysiakini.com/news/742539 | MALAYSIA KINI |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 8-May | PM arah Menteri Kesihatan teliti isu penggunaan Akta 723 terhadap GP - Fahmi | https://www.sinarharian.com.my/article/727197/berita/nasional/pm-arah-menteri-kesihatan-teliti-isu-penggunaan-akta-723- | SINAR HARIAN |
| 8-May | PM minta Menteri Kesihatan teliti isu dibangkitkan GP | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/05/1393325/pm-minta-menteri-kesihatan-teliti-isu-dibangkitkan-gp#google_vignette | BERITA HARIAN |
| 8-May | PM Anwar orders MoH to justify drug price display rule after doctors protest | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/05/07/pm-anwar-orders-moh-to-justify-drug-price-display-rule-after-doctors-protest/175889 | MALAYMAIL |
| 8-May | PM Anwar orders urgent re-view of GP concerns over price control law application, says Fahmi | https://thesun.my/malaysia-news/pm-anwar-tells-health-minister-to-review-act-723-issues-urgently-fahmi-IB14048365 | THE SUN |
| 8-May | PM Anwar orders urgent re-view of GP concerns over price control law application, says Fahmi | https://www.theborneopost.com/2025/05/07/pm-anwar-orders-urgent-review-of-gp-concerns-over-price-control-law-application-says-fahmi/ | THE BORNEO POST |
| 8-May | PM orders urgent review of GPs' concerns over profi-teering law | https://www.sarawaktribune.com/pm-orders-urgent-review-of-gps-concerns-over-profiteering-law/ | SARAWAK TRIBUNE |
| 8-May | MyCC lancar kaji selidik perkukuh landskap ekonomi digital | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mycc-lancar-kaji-selidik-perkukuh-landskap-ekonomi-digital-519765 | ASTRO AWANI |
| 8-May | Penjaga stor, enam warga Myanmar didakwa miliki 17,232 kg LPG tanpa lesen | https://www.utusan.com.my/nasional/2025/05/penjaga-stor-enam-warga-myanmar-didakwa-miliki-17232-kg-lpg-tanpa-lesen/ | UTUSAN |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 8-May | Petrol, kosmetik seludup RM177,000 dirampas di Semporna | https://beritasabah.com/petrol-kosmetik-seludup-rm177000-dirampas-di-semporna/ | BERITA SABAH |
| 8-May | Petrol, beauty products seized in Semporna raids | https://www.dailyexpress.com.my/news/257847/petrol-beauty-products-seized-in- | DAILY EXPRESS |
| 8-May | PPM Wilayah Satu gagalkan cubaan seleweng diesel | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/05/1216184/ppm-wilayah-satu-gagalkan-cubaan-seleweng-diesel | HARIAN METRO |
| 8-May | Cubaan seleweng diesel ga-gal | https://www.buletintv3.my/nasional/cubaan-seleweng-diesel-gagal-2/ | TV3 |